

Bisikan Pak Lah senyapkan teriakan

BH - 11/6/2006

Keutamaan PM tetap terarah kepada ikrar bekerja bersama rakyat



DEWAN persidangan Hotel New World, Beijing pada petang 16 September 2003 itu sudah pun sesak kira-kira setengah jam lebih awal daripada sidang akhbar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijadualkan pada jam 6 petang.

Barangkali bukanlah sangat rumusan lawatan lima hari Timbalan Perdana Menteri ke China ketika itu yang menjadi tumpuan segerombolan besar wartawan - sama ada dari Malaysia, media massa tempatan mahupun agensi berita asing - sebaliknya isi hatinya 45 hari sebelum mewarisi kepemimpinan negara.

Umum ketika itu bagaikan tidak sabar untuk melayari kotak mindanya bagi mendapatkan gambaran awal terhadap perancangan dan pendekatannya sejour mengambil alih selaku Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003 dan siapa yang akan kemudian dinamakannya sebagai timbalan.

Daripada tarikh keramat 11 Januari 1999 apabila Abdullah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, disusuli tarikh 26 Jun 2002 apabila beliau dinamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pengganti, kesempatan memang terbuka luas untuk soalan seumpamanya diajukan. Malah, sudah banyak percubaan sebelumnya tanpa dipertemuan sebarang jawapan.

Itu, sama ada mahu diakui sebelumnya, kini atau kemudian, memang sudah resmi Pak Lah - beliau tidak sekali-kali akan mendahului waktunya untuk sebarang kenyataan atau tindakan, apatah lagi mengatasi ketuanya dari segi tindak-tanduk mahupun pertuturan.

Pak Lah adalah jenis yang sangat menghargai kepercayaan dan amat menyukuri ketentuan, biarpun kini sudah ada yang mahu menggambarkan beliau sebagai berlawanan. Di bawah tekanan itu pun, beliau terus memilih untuk berdiam.

"Masih terlalu awal untuk saya nyatakan apa yang mahu saya buat," katanya kepada soalan seorang wartawan *Chicago Tribune* dalam sidang akhbar itu, "tetapi perlu diingatkan bahawa apa yang akan berlaku ialah pertukaran

kepemimpinan dan bukan pertukaran rejim kerana Barisan Nasional (BN) akan terus menjadi parti yang memerintah.

"Saya tentunya tidak akan mengubah sebarang dasar hanya kerana saya mahu nama saya dikaitkan dengannya. Tetapi jika keadaan menuntut saya melakukan pengubahsuaian kepada dasar yang ada atau perlunya dasar lain diperkenalkan mengikut keperluan semasa, itulah yang akan saya lakukan."

Itu ikrar dibuatnya dan itulah juga dilakukannya kini tanpa terpesong daripada janji asal andainya ia benar-benar dimengertikan. Dalam pada itu, sudah tentu juga ia boleh ditafsir dari sudut berbeza - bergantung kepada kecenderungan.

Begitupun, daripada ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri dengan ajakan 'bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya' yang dilafazkan di depan 30,000 hadirin yang menyambut kepulangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 1 November 2003, Pak Lah jelas amat menyanjungi bekas ketuanya.

"Alhamdulillah, saya mewarisi kerajaan Tun Dr Mahathir yang sungguh maju dan berjaya, sekali gus menjadikan Malaysia antara negara termaju di kalangan negara membangun. Seluruh rakyat seharusnya bersyukur dengan jasa yang beliau (Dr Mahathir) tinggalkan," katanya ketika itu.

Tetapi, apa yang berlaku Rabu lalu, harus mengubah gambaran dan persekitaran. Kritikan paling keras daripada Dr Mahathir termasuk menuduh pengantingnya itu menikam beliau dari belakang, tidak berterima kasih kepadanya, mungkir janji dengan mengubah beberapa dasar diperkenalkannya, malah mengandaikan Abdullah sebagai pilihan yang silap, benar-benar menggamakan ramai.

Pak Lah, sejour dimaklumkan mengenai serangan peribadi berkenaan terhadap beliau, masih tidak berganjak daripada pendiriannya. Seolah-olah jika harus ada serangan sedemikian sekalipun, beliau merelakan ia datangnya daripada Dr Mahathir dan bukan orang lain.

"Saya sudah biasa melihat Pak Lah benar-benar menunjukkan kemarahan," kata seorang pegawai pejabat PM, dan saya juga pernah melihat bagaimana Pak Lah menyembunyikan kemarahan ketika wajahnya penuh kerutan.

"Tapi, ketika dimaklumkan mengenai serangan terbaru Dr Mahathir itu, PM

tidak pun menggambarkan kedua-dua keadaan. Pak Lah tidak melenting, tidak juga mengertap bibir bagi membendung rasa marah."

Barangkali kerana ia sesuatu yang dijangka lambat-laun akan dihamburkan juga Dr Mahathir - didahului oleh cakap-cakap mengenai rasa tidak senang bekas Perdana Menteri itu berikutan projek landasan berkembar elektrik bernilai kira-kira RM14 bilion yang ditangguhkan pada tahun pertama Pak Lah mewarisi kepemimpinan.

Seperti yang berulang kali diperjelaskan Perdana Menteri, projek besar ditangguhkan kerana tumpuan kerajaan ialah kepada sektor ekonomi lain di samping defisit dalam bajet tahunan perlu dikurangkan.

Kemudian, apabila diumumkan kerajaan turut mengalihkan tumpuan kepada sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan - peruntukannya ditambah sekali ganda - bagi merapatkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dengan luar bandar, reaksi Dr Mahathir dikhabarkan hanya cebikan.

Ia bertali-arus kepada 'perang AP' yang menghangatkan keadaan apabila pengeluaran permit import kereta dipertikaikan, seterusnya isu penjualan MV Agusta pada harga satu euro, tekanan sehingga Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff meletak jawatan sebagai Ketua Eksekutif Proton serta 'ibu segala kemarahan', iaitu pembatalan projek pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

Pada kemuncaknya, Dr Mahathir jugalah yang menggelar pentadbiran Abdullah sebagai bukan saja cacamarba, tiada langsung keberanian, malah tergamak menggadai kedaulatan negara dengan tunduk kepada tekanan Singapura.

Diamnya Pak Lah, jemaah menteri dan kepemimpinan BN dan Umno sebelumnya, bukanlah diam tidak bertempat. Malah, sikap membisu mereka lebih didasarkan kepada rasa hormat terhadap Dr Mahathir - negarawan ulung yang mengabdikan seuruh usianya dalam politik, termasuk 22 tahun selaku arkitek pembinaan bangsa dan negara.

Kerana itu jugalah, reaksi ramai terhadap serangan peribadi dan melulu beliau Rabu lalu, disulami kewaspadaan. Pertama, sanjungan terhadap Dr Mahathir seboleh-bolehnya tidak dibenarkan terhakis, kedua kerana kandungan sebenar serangan beliau lambat sedikit tersebar dan ketiga, ketidakpastian sama ada ia wajar dijawab atau tidak.

Bukan menghairankan apabila ramai mematikan telefon bimbit, sebilangan lagi memohon waktu untuk kritikan Dr Mahathir ditafsir dan difahami sepenuhnya, di samping segelintir merelakan orang lain memberikan komen untuk mereka sendiri menyusulnya kemudian.

Di sebalik itu pun, majoriti mereka bersetuju bahawa kritikan peribadi terhadap Pak Lah hingga menggambarkan sebagai 'menikam dari belakang' melampaui kewajaran, walau apapun dalil dan alasan yang ditawarkan.

Apakah mereka semua tidak terperanjat dengan serangan Dr Mahathir?

Kalaupun rentetan peristiwa Rabu lalu dianggap kejutan kecil kerana mereka seharusnya lebih mengenali bekas Perdana Menteri itu ketika menganggotai Kabinet pimpinannya, 'penjelasan' Dr Mahathir kelmarin bahawa beliau tidak bermaksud kepada serangan peribadi ke atas Pak Lah dan sebaliknya sekadar menuntut jawapan kepada beberapa persoalan, harus amat memmeranjatkan.

Bukanlah juga persoalan itu tidak pernah diberikan huraian sebelumnya tetapi gambarannya sudah semakin jelas bahawa apa pun penjelasan tidak akan pernah memadai melainkan kemahuan Dr Mahathir dituruti sepenuhnya.

Akhir-akhir ini semakin kerap Pak Lah turut diserang oleh golongan 'baset' (baling batu sembunyi tangan), kononnya kepemimpinannya lemah, lembik dan mudah pula diperkudakan. Jika diharapkan Pak Lah akan menyerang balas, itu memang bukan resminya.

Berlawanan dengan pendapat sedemikian, ia menyerlahkan kekuatan dalam Pak Lah yang masih berupaya melampirkan senyuman sekalipun baru di-hinggapi tamparan, memperkenalkan pembaharuan dan pengubahsuaian sekalipun tidak disenangi kepemimpinan terdahulu, serta mengambil sesuatu tindakan yang sesuai dengan peredaran masa dan persekitaran.

Seperti yang diikrarkan oleh Pak Lah sendiri, harus tiada silapnya untuk beliau bekerja bersama rakyat yang memberikan mandat terbesar kepadanya daripada bekerja untuk bekas ketua yang tersilap meletakkannya di kerusi perdana.

Sambil Dr Mahathir bertempik - pastinya beliau akan terus berteriak - untuk pandangannya didengar, beliau juga tidak harus memekakkan telinga terhadap bisikan orang lain yang bukan replika kepada pendiriannya.